



Isu tunda kereta semakin hangat

Isu tunda kereta di Johor Bahru dikatakan semakin hangat dengan pelbagai kenyataan yang dikeluarkan samada oleh individu mahupun pemimpin masyarakat. Mereka yang begitu lantang dan tegas ternyata banyak di keluarkan dari kalangan pemimpin Umno Bahagian Johor Bahru. Kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan oleh pemimpin masyarakat itu dikatakan telah mengeruhkan lagi keadaan yang berlaku dimana kenyataan yang dikeluarkan oleh Ketua Bahagian Umno Johor Bahru telah disusuli oleh kenyataan dari kalangan anak-anak buah nya.

Persoalannya ialah apakah rasionalnya kenyataan itu dikeluarkan oleh organisasi yang menyokong Kerajaan dan mengkritik salah satu dari agensi Kerajaan? Apakah kerana menjelangnya pilihanraya umum akan datang maka muncul hero-hero yang dikatakan memperjuangkan hak-hak rakyat? Apakah kenyataan-kenyataan yang dikeluarkan itu bermotifkan politik?

Yang lebih menghairankan itu ialah pengkritik itu adalah mereka dari kalangan Ahli-Ahli Majlis Bandaraya yang telah dilantik. Walauapapun persoalannya, Ahli-Ahli Majlis yang mengkritik itu juga adalah terdiri dari beberapa ahli jawatankuasa dalam kumpulan yang sama yang menganggotai Exco majlis Bandaraya. Tepuk air di dulang, terpercik ke muka sendiri.

Beberapa Ahli Majlis Bandaraya dari kalangan Umno Bahagian Johor Bahru dikatakan begitu lantang mengkritik tindakan MBBJ mengenai isu tunda kereta di kawasan Johor Bahru. Mereka bukan mempertikaikan tindakan yang dijalankan oleh MBBJ tetapi secara terang mengkritik keperibadian Dato' Bandar seperti kenyataan berikut di dalam laman web Umno Bahagian Johor Bahru:

" dari laman web Umno Bahagian Johor Bahru di www.umnojb.com

Datuk Bandar perlu ubah sikap - Ketua Editor

Datuk Bandar tidak seharusnya bersikap angkuh, seolah-olah tidak menghormati langsung pandangan umum termasuk pemimpin-pemimpin yang mendekati suara rakyat.

Sebagai Datuk Bandar beliau seharusnya peka dan memastikan dahulu akibat atau kesan yang terjadi sebelum melaksanakan sebarang pemaaju perswastaan. Perjanjian perlu diatasi supaya tidak ada orang yang menjadi mangsa akibat daripada pelaksanaan undang-undang yang tidak adil atau zalim. Lebih-lebih lagi jika mangsanya adalah warga Bandaraya Johor Bahru yang selama ini merupakan golongan yang setia.

Kedudukan Datuk Bandar sendiri sebagai ketua pentadbir di MBBJ adalah atas sokongan seluruh warga bandaraya. Gaji, elaun dan segala kemudahan yang beliau terima juga adalah hasil cukai warga bandaraya. Oleh itu Datuk Bandar tidak

sepatutnya bercakap seolah-olah mewakili dua syarikat tersebut tanpa mengambil kira pendapat dan pandangan umum. "Apabila berjalan jangan hanya memandangkan kelangit sebaliknya tengok-tengok rumput di bumi tempat kita berpijak". Bimbang jatuh tersembam nanti susah jadinya.

Jika beliau sedar pelaksanaan perswastaan menunda kenderaan ini merupakan satu kesilapan, maka sudah mesti beliau menghentikan sertamerta supaya beliau tidak melakukan kesilapan tersebut buat kali yang kedua." dikhautiri ada yang kena saman dengan Dato' Bandar

Apakah Ahli-Ahli Majlis Bandaraya yang di lantik termasuk Ketua Whipnya seperti Tuan Haji Ali Bin Mohamad, Adam Bin Sumiru dan Tuan Hj Rozlan Bin Abu Bakar layak mewakili Umno Bahagian Johor Bahru sebagai Exco Majlis Bandaraya Johor Bahru?

Ketiga-tiga mereka bukan sahaja tidak jujur didalam menjalankan tanggungjawab mereka sebagai Ahli Majlis Bandaraya JB tetapi tindakan mereka mengkritik agensi Kerajaan secara terang-terangan itu menunjukkan mereka ini tidak profesional. Kalau hendak mengkritik pun mereka perlulah mencari platform yang sesuai di dalam mesyuarat Majlis Bandaraya yang diadakan atau melepaskan kritik mereka. Tidak perlu hanya mengkritik di belakang tabir sahaja. Tindakan mereka ini bukan sahaja mencerminkan sikap biadap dan tidak sopan sebagai penyokong Kerajaan tetapi kenyataan mereka itu seolah-olah mempunyai udang di sebalik batu.

Jika dikatakan MBBB mengaut untung dari kesususahan orang lain, tetapi kenyataan-kenyataan yang dibuat oleh Ahli-Ahli Majlis ini juga mempunyai pelbagai alasan dan andaian yang berbeza kerana tindakan menunda kereta ini mendapat keuntungan lumayan.

Siapakah sebenarnya Tuan Haji Rozlan Bin Abu Bakar yang begitu lantang mengkritik MBBB selepas YB Dato' Khalid Nordin pemimpin Umno Bahagian Johor Bahru? Kalau seandainya YB Dato' Khaled Nordin membuat kenyataan ini supaya menangguhkan "tunda buat kajian semula" tidak ada salahnya kerana sebagai pemimpin masyarakat yang perihatin beliau juga perlu meyakinkan pengundi beliau bahawa masalah ini akan diteliti. Pengundi sedia maklum bahawa masalah mereka diambil perhatian.

Tetapi apabila kenyataan beliau ini disusul oleh kenyataan-kenyataan dari anak-anak buahnya seperti [Tuan Haji Rozlan Bin Abu Bakar](#), kenyataan ini dapat dibuat pelbagai andaian kenapa beliau begitu lantang menentang tindakan MBBB ini walaupun beliau masih lagi menjadi Ahli Majlis Bandaraya? Sepatutnya perkara ini perlu di selesaikan didalam platform yang sesuai atau menyuarakan pandangan beliau itu melalui "pusat aduan" yang telah disediakan oleh MBBB.

Kelantangan segelintir pemimpin Umno Bahagian Johor Bahru terutama yang bergelar Ahli Majlis Bandaraya Johor Bahru yang mengkritik "bossnya" sendiri itu dianggap satu tindakan yang biadap dan tidak peka dengan isu yang ditonjolkan. Selain dari itu sikap Editor Laman web Umno Bahagian Johor Bahru yang menyerang peribadi Dato' Johari Suratman - Dato' Bandar Bandaraya Johor Bahru dianggap keterlaluan. Sebagai organisasi Melayu yang mengamalkan toleransi antara kaum dan menekankan amalan budaya ketimuran, kenyataan peribadi ini yang ditujukan kepada seorang pemimpin Kerajaan perlu dihentikan.

Pembaca dan rakyat Johor amat terkejut dengan kenyataan ini dan beranggapan apakah sememangnya Umno Bahagian Johor Bahru mengamalkan sikap biadap ini? Ketua Umno Bahagian Johor Bahru samada Dat' Shahrir atau Dato' Khaled Nordin sendiri perlu mengkaji semula perlantikan ketiga-tiga Ahli Majlis Bandaraya ini samada mereka masih relevan untuk dikekalkan sebagai Ahli-Ahli Majlis? Apakah Kerajaan masih memerlukan mereka yang diharap dapat membantu melaksanakan pembangunan tetapi dalam masa yang sama megkritik dasar-dasar yang telah dilaksanakan.

Sebagai manusia mereka perlu menghormati peribadi orang lain sebelumnya mereka di hormati. Mereka bukan sahaja tidak layak untuk menjadi seorang pemimpin tetapi sebaliknya mereka perlu belajar etika berkomunikasi antara manusia dan tidak perlu melatah.

Siapakah sebenarnya yang menjadi Ketua Umno Bahagian Johor Bahru?

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.